

Newspaper	Harakah Daily
Date	5/12/2012

Tun M patut dipersalahkan jika Melayu P Pinang mundur

HarakahDaily: 5 Dis 2012



PULAU PINANG: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir adalah orang yang paling bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah Melayu Pulau Pinang jika benar Umno dan Barisan Nasional (BN) ikhlas mahu menolong mereka.

Bekas Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin (**gambar**) berkata, Dr Mahathir ialah orangnya yang mendedahkan mengenai masalah Melayu Pulau Pinang ketika beliau melawat Tanjung To' Kong dahulu.

"Siapa yang mula buat cerita tentang peminggiran orang Melayu. Setahu saya ia berlaku sejak di zaman

pemerintahan Tun Dr Mahathir sendiri.

"Dia kata orang Melayu Pulau Pinang terpinggir ketika melakukan lawatan ke Tanjung To' Kong di Pulau Pinang, bila agaknya Ketua Menteri (Pulau Pinang) Melayu?" tanya Rahman yang mengumumkan penyertaannya ke dalam PAS baru-baru ini. Kata Rahman, sejak dari dahulu Ketua Menteri Pulau Pinang adalah Cina.

"Pasal apa timbul cerita Melayu dipinggir. Sebab Cina dulu bersubahat dengan Umno dia tidak dipersalahkan. Sekarang ini Cina tidak sebulu dengan Umno kerana berkawan dengan PAS dan PKR terus dicop tidak betul dan bertindak menghalau orang Melayu.

"Boleh bertukar sekelip mata sahaja," katanya dalam wawancara khas dengan Harakah.

Rahman memuji sikap yang diambil oleh Kerajaan Pulau Pinang dan menyifatkannya amat bijak dalam menguruskan negeri.

"Apa yang dilaksanakan BN (sebelum ini) jelas memnunjukkan mereka tidak bijak mentadbir. Habis wang rakyat dipergunakan untuk pembinaan projek yang tidak menguntungkan semamata untuk menunjuk-nunjuk mengatakan Malaysia megah tetapi pada hakikatnya dalam keadaan yang sakit tenat," katanya. Pelbagai isu dibincangkan beliau dalam wawancara itu termasuklah bagaimana beliau boleh tertarik dengan PAS dan apa penilaian beliau terhadap PAS sekarang.

www.harakahdaily.net